

# UMS-KAL jayakan Ziarah Ramadan di tujuh kampung

UM 15.08.2012 30

LABUAN 14 Ogos - Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah mengadakan program Ziarah Ramadan ke tujuh buah kampung, dekat sini baru-baru ini.

Pengerusi pengajur, Norhanizah Adnan berkata, tujuh kampung itu ialah Kampung Sungai Miri, Sungai Lada, Sungai Labu, Belukut, Bebuloh, Sungai Buton dan Sungai Bedau.

Menurutnya, dalam program itu pihaknya dan Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS-KAL (Kesumba) telah menyerahkan sumbangan Aidilfitri kepada 18 warga emas dan ibu tunggal.

"Kami berharap sumbangan itu akan dapat meringankan beban penerima bantuan sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini," katanya.

Norhanizah berkata, program itu bertujuan merapatkan hubungan di antara UMS-KAL dengan penduduk setempat sekali gus mahu penduduk Labuan menyedari kewujudan universiti itu sebagai sebuah gedung ilmu.

Program itu turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UMS, Datuk Md. Kassim Mansor; Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah.

Sementara itu, Ismail berkata, kewujudan UMS-KAL turut membantu kecemerlangan pendidikan di wilayah itu.

Katanya, kehadiran pensyarah, kakitangan dan pelajar dari dalam dan luar negara turut mencorakkan iklim perpaduan dalam masyarakat di Labuan.

Sehubungan itu, beliau berharap, staf dan pelajar UMS-KAL akan terus menjalankan hubungan yang baik dengan penduduk setempat termasuk mengadakan pelbagai aktiviti sukan, riadah, sosial dan kemasyarakatan.

Menurutnya, UMS-KAL akan menggunakan kepakaran pensyarah, kakitangan dan pelajar universiti itu untuk membantu meningkatkan prestasi pendidikan pelajar sekolah rendah dan menengah serta golongan belia di Labuan.



MD. Kassim Mansor (tengah) menyampaikan bantuan kepada ibu tunggal di Kampung Sungai Lada sempena program Ziarah Ramadan UMS-KAL 2012, di Labuan, baru-baru ini.